



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 51
(15 DISEMBER 2024 – 21 DISEMBER 2024)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-51 tahun 2024, sebanyak 1,407 kes demam denggi dan dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan, berbanding 1,384 kes dan tiga (3) kematian pada minggu sebelumnya. Secara kumulatif, jumlah kes demam denggi sehingga kini adalah sebanyak 121,082 kes dengan 116 kematian, berbanding 120,418 kes dan 96 kematian untuk tempoh yang sama tahun 2023. Pada awal tahun 2024, bilangan kes yang dilaporkan melebihi 3,000 kes seminggu. Namun begitu, sejak Minggu Epidemiologi ke-44 purata kes mingguan telah menurun dengan ketara kepada sekitar 1,200 hingga 1,500 kes sahaja dan berada di bawah paras median lima (5) tahun.

Terdapat 18 lokaliti aktif hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-51 berbanding 27 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 18 lokaliti yang dilaporkan, sembilan (9) lokaliti di Selangor, empat (4) lokaliti di Negeri Sembilan, tiga (3) lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, satu (1) lokaliti di Pahang dan satu (1) lokaliti di Pulau Pinang.

Semasa cuti persekolahan dan sambutan perayaan, pergerakan masyarakat

yang meningkat menyebabkan penyebaran jangkitan denggi menjadi lebih mudah. Risiko ini menjadi lebih tinggi apabila terdapat tempat pembiakan nyamuk *Aedes* di persekitaran, baik di dalam mahupun luar rumah. Oleh itu, sangat penting untuk memastikan rumah sentiasa bebas daripada tempat pembiakan nyamuk dengan melakukan aktiviti Cari dan Musnah secara berkala termasuk membersihkan kawasan yang berpotensi menakung air seperti pasu bunga, tayar terbuang, dan bekas plastik. Selain itu, pastikan bahan pembunuh jentik-jentik diletakkan di dalam pam tandas atau bekas tadahan air yang ditinggalkan. Sebagai langkah pencegahan tambahan, masyarakat boleh menyemak status wabak di kawasan sekitar kediaman atau tempat yang ingin dilawati melalui portal iDengue di <https://idengue.mysa.gov.my/> dan mengambil langkah pencegahan bagi melindungi diri serta keluarga daripada ancaman demam denggi. **Tiada *Aedes*, tiada denggi.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
27 DISEMBER 2024